



**SIARAN AKHBAR
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MAJLIS KHATAM AL-QURAN DAN PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA BAGI TAHUN 1446H/2025M**

1. Bersempena menyambut bulan Ramadhan yang penuh keberkatan tahun ini, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Derma Anak-Anak Yatim JKED bagi Tahun 1446H/2025M pada hari Sabtu, 21 Ramadhan 1446H bersamaan dengan 22 Mac 2025M bertempat di Dewan Pengiran Lela Cheteria, Bangunan Ibu Pejabat JKED, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam. Pada tahun ini, majlis tersebut dikelolakan oleh Bahagian Cawangan dan Pos-Pos Kawalan (BCPK).
2. Hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis tersebut ialah Yang Mulia Haji Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim, Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja. Turut hadir ialah Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Penolong-Penolong Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Pegawai-Pegawai Kanan beserta pegawai dan kakitangan JKED.
3. Majlis dimulakan dengan Sembahyang Zohor berjemaah dan diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya Majlis Khatam Al-Quran, Tahlil dan Doa Arwah. Majlis diserikan lagi dengan bacaan beramai-ramai Dikir Marhaban.



-2-

4. Sebelum mengakhiri majlis, penyampaian sumbangan derma kepada 9 orang anak-anak yatim dari kalangan anak-anak warga JKED yang disampaikan oleh Tetamu Kehormat Majlis.



-TAMAT-

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
Tarikh: 22hb., Mac, 2025
Bilangan Rujukan: JKED/PR/1/2025**